



كِرَالِيَا دَارُالْاَمَانِ
بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN

NEGERI KEDAH DARUL AMAN

ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN
05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-774 4000/ 04-774 4010

Faks : 04-774 4578/ 04-733 0910

04-774 4643/ 04-733 8717

E-mail : pbnk@kedah.gov.my

Kedah
Malaysia
where it all began

Ruj. Kami: Bil (27) dlm. PBN(K)016/6/2010Jld.1

Tarikh : 17 Mac 2020

**KEPADA
SEMUA PEGAWAI PENGAWAL
NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

YB Dato' Paduka/ YBhg Dato'/ Tuan/ Puan,

SURAT ARAHAN OPERASI BIL. 7/2020

PENYEDIAAN BAUCAR BAYARAN BERASINGAN BAGI BAYARAN GAJI KAKITANGAN LANTIKAN KONTRAK/SEMENTARA, ELAUN PEGAWAI MASJID, ELAUN KAFA DAN ELAUN TASKA DALAM TEMPOH PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (18-31 MAC 2020)

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Inilah dimaklumkan Kerajaan telah mengisytiharkan perintah kawalan pergerakan kepada semua rakyat Malaysia termasuk penjawat awam bermula 18 Mac sehingga 31 Mac 2020. Perintah ini bertujuan untuk mengurangkan perhubungan individu secara bersemuka bagi mengelakkan penularan wabak Pandemik COVID-19.

3. Berikutan keputusan ini, Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 17 Mac 2020 telah bersetuju semua urusan bayaran gaji penjawat awam bagi bulan Mac dibayar seperti tarikh yang telah ditetapkan. Bagi pekerja yang dibayar secara harian, bilangan hari bekerja bagi mereka pada bulan Mac adalah termasuk dalam tempoh kawalan pergerakan iaitu sebanyak **sembilan (9)** hari bekerja bagi tempoh 18 Mac sehingga 31 Mac 2020.

4. Semua ketua jabatan hendaklah mengeluarkan arahan kepada pegawai dan kakitangan yang terlibat dengan proses pembayaran gaji dan elaun secara baucar berasingan untuk hadir bertugas bagi menyelesaikan pembayaran dan pulang setelah selesai tugas.

5. Sehubungan itu, bagi memastikan urusan pembayaran gaji kakitangan lantikan kontrak/sementara, elaun pegawai masjid, elaun KAFA dan elaun TASKA dapat dilaksanakan secara teratur, Majlis Mesyuarat Kerajaan telah bersetuju seperti ketetapan berikut;

/2...



(2)

Ruj Kami : Bil () PBN(K)016/6/2010Jld.1

Tempoh Pengesahan Bil Invois Oleh Pejabat Bendahari	Tempoh Melulus Baucar Bayaran (Modul Akaun Belum Terima i-speks)	Pegambilan Cek Gaji
23 Mac 2020		24 Mac 2020
11.00 pagi – 12.00 tgh	12.00 tgh – 1.00 tgh	10.00 pagi – 12.00 tgh

6. Pihak YB Dato' Paduka / YBhg Dato' / Tuan / Puan adalah dipohon untuk mematuhi Arahan Operasi ini agar ianya dapat melicinkan proses bayaran. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh merujuk dengan Unit Emolumen di talian 04 7744605/4609. Kerjasama dan perhatian YB Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan amatlah dihargai.

Sekian terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KEDAH AMAN MAKMUR – HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' HAJI ISAHAK BIN MURAT, DSSS, SDK., AMK., BCK.)

Pegawai Kewangan Negeri
Kedah Darul Aman

s.k Bendahari Negeri Kedah Darul Aman